

## Dr. Mahathir komited pada kerja

UM 31/10/2003 - 18 PRECISE

Oleh MAZNAH ARSAD dan ROHANI IBRAHIM

ORANG sering mendengar pekerja merungut mengenai bos atau ketua pejabat yang cerewet, panas baran dan banyak kerenah.

Namun, bagi Pegawai Khas Perdana Menteri, Datuk Hashim Makaruddin, perasaan takut ataupun bimbang dimarahi bos tidak pernah dialaminya sepanjang berkhidmat di bawah Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ini kerana Hashim tidak pernah melihat Perdana Menteri meninggikan suara atau hilang sabar kepada kakitangan atau para pegawainya.

"Jikapun beliau berasa tidak puas hati dengan apa-apa perkara sekalipun, Dr. Mahathir hanya akan bertanya: 'Macam mana boleh jadi macam ni? Itupun dengan nada suara yang cukup tenang.'"

Hashim yang pernah

menjabat jawatan Ketua Pengarang di Pertubuhan Berita Nasional (Bernama) mula berkhidmat dengan Dr. Mahathir sebagai Setiausaha Akhbar pada tahun 1991. Pada tahun 1998 beliau dilantik sebagai Pegawai Khas Perdana Menteri.

Bagi Hashim, Dr. Mahathir seorang yang bijak mengawal emosi, tenang dan sentiasa sabar.

Hashim menceritakan pernah sekali berlaku, sehelai muka surat teks ucapan Dr. Mahathir hilang dan ia hanya disedari oleh Perdana Menteri ketika beliau sedang menyampaikan ucapan pada satu majlis.

"Dr. Mahathir secara tenang memberitahu para hadirin, sehelai muka surat teks ucapannya telah hilang dan berkata itu mungkin kesilapan para pegawainya," jelas beliau.

Selepas habis berucap, kata Hashim, Perdana Menteri sedikit pun tidak menyuarakan kemarahan beliau.

"Bagaimanapun saya tetap meminta maaf kepada Dr. Mahathir atas kecuaiannya tidak memeriksa helaian teks ucapan tersebut," kata beliau lagi.

Mempunyai seorang ketua yang sabar bagaimanapun bukanlah bermakna para pegawai di Jabatan Perdana Menteri boleh mengambil kesempatan untuk melakukan kerja sambil lewa.

Kata Hashim, semua pegawai Dr. Mahathir sentiasa memastikan arahan beliau dilaksanakan dengan sebaik

mungkin.

"Memang Dr. Mahathir tidak pernah menyuarakan rasa tidak puas hati, apatah lagi perasaan marah beliau apabila mendapati mana-mana pegawai tidak menjalankan tugas seperti yang diharapkan," katanya.

Bagaimanapun menurut Hashim, para pegawai boleh mengagak sama ada beliau berpuas hati atau tidak melalui percakapan ataupun kadang-kala bahasa tubuh Dr. Mahathir.

"Selain memiliki kesabaran yang tinggi, Dr. Mahathir juga seorang yang teliti, mempunyai komitmen dan berdisiplin tinggi terhadap tugas.

"Komitmen kepada kerja menjadikan Dr. Mahathir sentiasa aktif dan bertenaga meskipun mempunyai jadual harian yang padat setiap hari," kata Hashim.

Dr. Mahathir biasanya akan berada di pejabat sebelum pukul 8 pagi walaupun beliau baru tiba dari luar negara pada pukul 4 atau 5 pagi hari yang sama.

"Beliau juga seorang yang begitu berdisiplin dengan masa dalam apa juga hal.

"Mengenai teks ucapannya sebagai contoh, kebanyakan daripadanya ditulis sendiri dengan tangan sebelum diberikan kepada saya untuk ditaip dan dikembalikan kepada beliau," jelas Hashim.

Kadang-kala, draf ucapan bagi sesuatu majlis akan dilakukan tujuh atau lapan kali sehingga Dr. Mahathir berpuas hati dengan teks ucapan tersebut.

Menurut Hashim lagi, Dr. Mahathir sering menggunakan masa beliau di dalam kenderaan ataupun penerbangan untuk menulis sendiri ucapan beliau bagi majlis-majlis tertentu.

"Kesemua ucapan yang disampaikan oleh Dr. Mahathir adalah hasil tulisan dan ideanya sendiri dan beliau hanya akan meminta kami membuat rujukan bagi mendapatkan fakta yang tepat mengenai sesuatu perkara," katanya lagi.

Dr. Mahathir juga adalah seorang yang sentiasa teliti dan bersedia kerana draf ucapan beliau untuk sesuatu majlis mula ditulis sebulan lebih awal sebelum sesuatu majlis itu bermula.

Beliau merangka ucapan awal bagi membolehkan beliau mempunyai masa yang cukup untuk memperbaiki dan melakukan perubahan kepada draf tersebut.

Ditanya mengenai pengalaman manis bersama Dr. Mahathir, Hashim menganggap pengalaman menunaikan fardu haji bersama Perdana Menteri adalah pengalaman yang tidak dapat dilupakan.

Katanya, secara peribadi pengalaman berkhidmat untuk seorang pemimpin yang disegani oleh sebahagian besar masyarakat dunia adalah pengalaman yang tidak ternilai.

"Tepukan gemuruh yang beliau terima selepas menyampaikan ucapan di mana-mana majlis menjadikan saya berasa cukup bertuah kerana diberikan peluang untuk berkhidmat untuk Dr. Mahathir," kata Hashim lagi.



HASHIM  
MAKARUDDIN